

Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita

Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

Pengaruh idea gerakan Islam dari Timur Tengah disekat oleh British melalui:

- Enakmen Undang-Undang Islam 1904.
- Jabatan Siasatan Jenayah (Criminal Intelligence Department).
- Biro Siasatan Politik (Political Intelligence Bureau).
- Undang-undang dan kawalan ketat terhadap kebebasan bersuara, penerbitan, berpersatuan dan kegiatan yang boleh mengancam kedudukan British.

Latar Belakang Perang Dunia

Pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama

Kuasa Tengah:
Jerman dan Austria-Hungary, kemudian disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah.

Pakatan Bertiga:
Britain, Perancis dan Rusia, disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece.

Faktor meletusnya Perang Dunia Pertama:

- Persaingan kuasa imperialis.
- Pembentukan pakatan ketenteraan.
- Konflik di rantau Balkan.

- Berakhir Perang Dunia Pertama - Penglibatan Amerika Syarikat dalam perang membawa kejayaan kepada Pakatan Bertiga.
- Persidangan Damai Paris.
- Perjanjian Versailles ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman.

Kesan Perang Dunia Pertama:

- Keruntuhan pemerintahan beraja.
- Kemunculan negara baharu.
- Kesan terhadap negara kita.

Perang Dunia Kedua

Kuasa utama dalam Perang Dunia Kedua

Kuasa Paksi:
Jerman, Itali dan Jepun

Kuasa Bersekutu:
Britain, Amerika Syarikat, Perancis dan Rusia.

Faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah:

- Kemunculan ideologi baharu.
 - Fasisme (Itali)
 - Nazisme (Jerman)
- Ketidakpuasan hati Jerman dan Itali terhadap Perjanjian Versailles.
- Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa.

Perang Dunia Kedua di Eropah - Meletus apabila Jerman menyerang Poland pada bulan September 1939:

- Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat.
- Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain.
- Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah.
- Serangan Jerman ke atas Rusia.

Faktor Perang Dunia Kedua di Eropah berakhir:

- Kerjasama kuasa besar.
- Keberkesanan strategi serangan.
- Kegagalan operasi menawan Rusia oleh Jerman.
- Kejayaan Operasi Pendaratan Tentera Bersekutu – Kod "D-Day".

